

Qalam

139, Ramaḍan 1381, Februari 1962, 60 sen

Bahaya Terhadap Islam

Tidak ada seorang pun yang faham akan erti perjuangan yang berbau Sosialis, terutamanya Sosialis Kirinya, yang tidak mengetahui bahawa mereka memandang gerakan agama Islam atau agama Islam ini sendiri adalah menghalang bagi kemajuan atau langkah-langkah mereka jalankan sebab pengertian antara keduanya jauh berbeza – yang satu menegakkan ketuhanan, Allah semata, sedang yang lagi satu tidak bertuhan dan mendasarkan hidup mereka di atas kebendaan semata.

Tidak pelik pula bagi mereka bahawa, mana-mana orang-orang yang berkulit Islam yang ada bersama-sama mereka yang pula mengada-adakan barang yang tiada, untuk mengikat rakyat mengatakan bahawa agama Islam itu adalah agama sosialisme. Dengan dua cara inilah lalu mereka cuba mengambil hati rakyat – menipu orang-orang awam Islam supaya menjadi pengikut atau penyokong mereka. Tetapi apabila mereka kuat dan telah memegang tampuk pemerintahan, pemerintahan dari rakyat untuk rakyat dan kerana rakyat, maka sebagaimana penjajahan dahulu takutkan gerakan Islam, begitulah pula mereka takutkan Islam lalu mereka bekerja untuk menghapuskan Islam dan mencari jalan supaya agama Islam, tidak sahaja jangan subur di dalam

orang-orang Islam sendiri tetapi juga mereka cuba pula menghalang dakwah atau langkah-langkah dakwah Islam tersebar kepada orang yang bukan Islam, terutamanya bagi orang-orang yang tidak tentu agamanya.

Begitulah yang terjadi di atas usaha menyampaikan seruan Islam yang dibuat oleh Kesatuan Kebajikan Islam Malaya. Kesatuan ini telah mengeluarkan risalah-risalah seruan Islam kepada orang-orang Darat. Risalah itu telah sampai kepada orang-orang Senoi Perak.

Seruan dakwah yang diwajibkan ke atas tiap-tiap orang Islam mesti menyampaikannya sekadar kuasanya itu telah dituduh oleh wakil *Front Socialist*, Tuan Lim Kean Siew (*Socialist Front* – Dato' Keramat) di dalam Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat Persekutuan dengan mengatakan bahawa Kesatuan Kebajikan Islam telah menjalankan paksaan terhadap usaha mengislamkan orang-orang Senoi – mereka tidak dibebaskan untuk memilih akan apa agama yang dianutnya.

Tuduhan mendatangkan paksaan ini, adalah zahir menunjukkan bahawa *Front Socialist* bukannya jahil tetapi sengaja hendak menghalang perkembangan Islam di tanah airnya iaitu di dalam mana orang-orang Islam adalah menjadi penduduk utama di dalam negeri ini sehingga agama rasmi bagi Persekutuan Tanah Melayu ialah agama Islam.

Tidak kita ketahui apakah tujuan dan langkahkan wakil *Front Socialist* ini untuk menghalang perkembangan dan dakwah Islam itu. Adakah mereka cuba menahan perkembangan itu dengan sebab orang-orang Islam tidak akan reda melihat penduduk negeri ini dijadikan Komunis atau ateis (golongan-golongan yang tidak

bertuhan)? Apakah ini menjadi satu langkah – bukannya sahaja telah menuduh tetapi juga menghalang kebebasan beragama di sini iaitu menegah Islam berusaha untuk mengislamkan orang-orang yang bukan Islam dengan cara bekerja atau dikerjakan oleh sesebuah pertubuhan?

Adakah mereka melihat bahawa selama ini yang menjalankan dakwah Islam hanya dijalankan oleh orang-orang perseorangan?

Dengan jalan orang-orang perseorangan itu pun telah ada juga hasilnya, dan kerana itu dengan pertubuhan dipandang suatu bahaya yang besar?

Kalau agama Islam atau pertubuhan Islam disebutkan atau dibidasnya sebagai ((memaksa)) dengan kerana ia membahagikan risalah-risalah Islam mengapa orang-orang *Front Socialist* tidak menyebut-nyebut usaha-usaha *missionary* Kristian yang tidak putus-putusnya membahagikan risalah-risalah agamanya dan menghantarkan paderi-paderinya kepada orang-orang Darat itu tidak dibidasnya? Apakah boleh dinafikan bahawa *missionary-missionary* Kristian telah jauh usaha di dalam mengembangkan agamanya cara berpertubuhan untuk menyeru orang supaya memeluk agama Kristian?

Ini bukan sahaja kepada orang-orang Darat tetapi mereka, pendakwah Kristian yang dahulunya tidak berani memasuki rumah orang-orang Islam sekarang telah bertaburan memasuki tiap-tiap rumah orang-orang Islam untuk mengadakan seruan-seruan mengajak supaya orang-orang yang telah pun beragama supaya memeluk agama Kristian. Langkah mereka dijalankan dengan berbagai-bagai rupa bahkan mereka menghantarkan orang-orangnya yang boleh berdalil dengan ayat-ayat Qur'an untuk memalingkan perhatian umat Islam daripada agamanya.

Kalau orang *Front Socialist* boleh berkata tentang orang-orang Darat mengapa wakil-wakil Islam, orang-orang

yang beragama Islam, tidak menyerang balas atas langkah-langkah lain-lain agama yang sedang dan terus bekerja membuat dakyah-dakyah untuk memasukkan Kristian kepada orang-orang Islam di tanah air kita ini yang agama rasminya agama Islam.

Apa yang dibuat oleh wakil *Socialist Front* itu adalah menunjukkan apa sebenarnya isi atau cita-cita perjuangan mereka. Mereka mengkehendaki supaya agama Islam runtuh dan umat Islam dapat dipatah dan dibodoh-bodohkan mereka supaya mudah diperintah. Dengan tanda-tanda ini maka hendaklah umat Islam bekerja keras merapatkan persaudaraannya dan meluaskan fahamnya – menjauhkan perpecahan sesama sendiri.

Mudah-mudahan kesedaran ini ada. Pihak pemerintahan di Persekutuan Tanah Melayu hendaklah sedar dan mencari kerjasama menghadapi musuh-musuh Islam ini. Kerajaan Perikatan yang menaja agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu itu, pada suatu masa harus tidak akan menjadikannya agama Islam itu agama rasmi lagi kalau *Socialist Front* berkuasa. Kerana itu kita mengharap supaya pihak Perikatan mengurangkan serangan-serangannya terhadap lawannya, PAS, tetapi berpandu tangan dan bekerjasama di dalam perkara-perkara yang dapat dijalankan untuk menghadapi musuh-musuh agama itu.

Dato' Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman telah pun membayangkan hal ini dalam ucapannya baharu-baharu ini tatkala mengecam *Socialist Front*. Usaha beliau ini patut diturut dan dijalankan oleh ahli-ahli Perikatan yang lain yang bukannya sahaja untuk menyelamatkan kita daripada Komunis tetapi yang lebih besar lagi iaitu untuk menyelamatkan agama kita daripada ditindas. Insafilah bahawa bayangan kepada tujuan ini telah dapat dilihat dengan nyatanya.